

17 OCT 1996
Majlis Peguam
MAJLIS PEGUAM PERJELAS PERANAN

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Majlis Peguam Malaysia hari ini menjelaskan peranannya sebagai sebuah badan yang memberi tumpuan khusus cuma kepada isu-isu yang menyentuh undang-undang dan pelaksanaan keadilan di negara ini.

Naib Presidennya, Dr Cyrus V. Das berkata dalam kenyataan di sini bahawa walaupun pendapat majlis itu tidak semestinya selaras dengan pendirian kerajaan, pendapatnya bertujuan untuk memperbaiki sistem keadilan di negara ini.

V. Das mengulas kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Parlimen semalam bahawa Majlis Peguam "berperanan lebih seperti parti pembangkang" dan selalu tidak bersependapat dengan kerajaan.

Pada sesi parlimen, Dr Mahathir berkata "lebih baik bagi Majlis Peguam menubuhkan parti politik daripada berselindung atas nama badan profesional."

Dr Mahathir juga berkata Majlis itu sering mengkritik kerajaan semasa di luar negara.

V Das berkata, Majlis Peguam sentiasa sedia bekerjasama dengan kerajaan dan Jabatan Peguam Negara bagi memperbaiki sistem perundangan negara ini.

Katanya, Majlis Peguam yang juga mempunyai wakil dalam pelbagai badan antarabangsa mendapat pengiktirafan yang tinggi di peringkat perundangan antarabangsa.

Ini terbukti apabila ia dipilih untuk menganjurkan Persidangan Undang-undang Komanwel ke-12 pada 1999. -- BERNAMA

NI FAZ